

Selangor, Sabah tertinggi kes dera

KUALA LUMPUR – Kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak menunjukkan trend membimbangkan apabila sebanyak 2,959 kes direkodkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam tempoh lima bulan pertama tahun ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Datuk Seri Nancy Shukri berkata, ia melibatkan kes-kes penderaan dan pengabaian berbentuk fizikal, seksual dan emosi kanak-kanak dengan Selangor mencatat bilangan tertinggi iaitu 647 kes.

Katanya, ini diikuti Sabah (333 kes) dan Kuala Lumpur di tangga ketiga dengan 326 kes.

“Kita mahu ini dihentikan. Kami mahu kanak-kanak tahu hak mereka. Pada masa sama, kami mahu ibu bapa dan orang dewasa di sekeliling mereka sedar akan perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan terhadap kanak.

“Oleh itu, program pada hari ini adalah salah satu inisiatif KPWKM dalam melaksanakan advokasi kepada kanak-kanak



Oleh itu, program pada hari ini adalah salah satu inisiatif KPWKM dalam melaksanakan advokasi kepada kanak-kanak mengenai hak mereka untuk dilindungi.”

NANCY SHUKRI

akan hak mereka untuk dilindungi,” katanya ketika ditemui pada Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: Kasih Kanak-Kanak di Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Tasik di sini semalam.

Turut hadir Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek dan Timbalan Menteri KPWKM, Aiman Athirah Sabu.

Tambahnya, tujuan utama program advokasi tersebut dijalankan adalah untuk menjaga kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan kumpulan sasar khususnya kanak-kanak.



NANCY (kanan) dan Fadhlina (dua dari kanan) ketika hadir pada program advokasi di SK Seri Tasik, Kuala Lumpur semalam.